

Menganalisa Faktor-Faktor yang Menghalang Pensijilan Halal Malaysia: Perspektif Pihak Berkuasa Halal Malaysia

Analysing Factors That Impede Malaysia's Halal Certification: The Perspective of Malaysia's Halal Authority

Nurul Khairani Mohd Raes¹, Alina Shamsuddin^{1*}

¹ Jabatan Pengurusan dan Teknologi, Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor, 86400, MALAYSIA

*Pengarang Utama: alina@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2025.06.01.005>

Maklumat Artikel

Diserah: 31 Mac 2025
Diterima: 30 April 2025
Diterbitkan: 30 Jun 2025

Kata Kunci

Industri halal, bahan mentah, kebersihan, halal tayyiban.

Abstrak

Sijil halal yang dikeluarkan JAKIM wajar dipatuhi oleh setiap pemilik dan sebarang pengingkaran akan menyebabkan sijil boleh ditarik semula. Isu yang timbul menjadi cabaran kepada pihak berkuasa maka pernyataan masalah diperoleh berkaitan faktor-faktor yang menghalang pensijilan halal Malaysia antaranya ialah proses pengurusan halal, proses permohonan yang kompleks dan rumit, isu pemalsuan logo dan pensijilan halal, dan tahap kesedaran yang rendah di kalangan pengusaha PKS. Objektif kajian ini adalah menganalisis faktor cabaran yang dihadapi oleh pihak berkuasa pensijilan halal dalam menguruskan proses pensijilan dan mengenalpasti cadangan yang boleh diberi dalam meningkatkan prestasi pengurusan dalam menguruskan proses pensijilan halal di Malaysia. Kaedah kajian kualitatif ini dilakukan dengan sesi temubual terhadap pihak berkuasa halal dalam negeri iaitu JAIN di negeri selatan seperti JAIJ, JAIM, dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). Dapatan kajian didapati kekurangan kakitangan dan kesedaran serta keprihatinan pihak pengusaha adalah cabaran utama dalam proses pensijilan halal. Berdasarkan analisis data, kajian ini telah mengenal pasti beberapa cabaran utama dalam pengurusan pensijilan halal di Malaysia, termasuk kekurangan sumber manusia dan fasiliti teknologi, kesedaran pengusaha yang rendah, serta isu logistik dan kepercayaan pengguna. Dalam menangani cabaran ini, cadangan seperti penambahan kuota kakitangan, peningkatan fasiliti teknologi, kerjasama strategik dengan pihak industri dan akademik, serta inisiatif pendidikan halal telah dikemukakan. Pendekatan ini bertujuan untuk memperbaiki keberkesanan sistem pensijilan halal, meningkatkan kredibiliti pihak berkuasa, dan menyokong pembangunan industri halal di Malaysia.

Keywords

Halal industry, raw materials, cleanliness, halal tayyiban.

Abstract

The halal certificate issued by JAKIM should be complied with by every owner, and any disobedience will cause the certificate to be revoked. The issues that arise become a challenge to the authorities, so problem

statements are obtained related to the factors that hinder Malaysia's halal certification, among them are the halal management process, the complex and complicated application process, the issue of falsifying logos and halal certification, and the low level of awareness among SMEs. . The objective of this study is to analyse the challenge factors faced by the halal certification authority in managing the certification process and identify suggestions that can be given to improve management performance in managing the halal certification process in Malaysia. This qualitative research method was conducted with an interview session with local halal authorities, namely JAIN in the southern states such as JAJ, JAIM, and the Islamic Religious Affairs Department of Negeri Sembilan (JHEAINS). The findings of the study found that the lack of staff and the awareness and concern of entrepreneurs are the main challenges in the halal certification process. Based on data analysis, this study has identified several key challenges in the management of halal certification in Malaysia, including a lack of human resources and technological facilities, low awareness of entrepreneurs, as well as logistical issues and consumer trust. In addressing this challenge, proposals such as increasing staff quotas, improving technology facilities, strategic collaboration with industry and academia, as well as halal education initiatives have been submitted. This approach aims to improve the effectiveness of the halal certification system, increase the authority's credibility, and support the development of the halal industry in Malaysia.

1. Pendahuluan

Pengesahan halal kini menjadi keutamaan di banyak negara untuk memastikan makanan dan perkhidmatan berkaitan adalah halal, berkualiti, dan selamat, yang diiktiraf melalui sijil halal yang dikeluarkan oleh badan berautoriti seperti JAKIM di Malaysia (Ab Rahman, 2019). Pensijilan halal berasaskan hukum syarak bertujuan memberi keyakinan kepada pengguna Islam mengenai status halal produk, serta memenuhi permintaan terhadap produk yang sihat dan berkualiti. Selain itu, pensijilan halal juga berfungsi sebagai alat pemasaran untuk meraih pasaran global, di mana permintaan terhadap produk halal semakin meningkat seiring dengan pertumbuhan populasi pengguna Islam di seluruh dunia (Sabuhari, 2023). Proses pensijilan halal di Malaysia melibatkan pengemukaan permohonan secara dalam talian, diikuti dengan semakan dokumen, audit lapangan, dan analisis makmal untuk memastikan pematuhan terhadap standard halal (Md Ariffin *et al.*, 2024). Sijil halal yang diluluskan oleh JAKIM diiktiraf di peringkat antarabangsa, namun terdapat keperluan untuk penambahbaikan dalam prosedur dan peruntukan. Pensijilan ini tidak bersifat komersial, tetapi bertujuan melindungi pengguna daripada penipuan dan memastikan produk yang mereka pilih adalah halal dan berkualiti. Konsep halalan tayyiban dalam kehidupan harian umat Islam terbahagi kepada dua kriteria utama iaitu pertama, makanan mesti halal dan berasal dari sumber yang halal manakala kedua, ia harus mempunyai kualiti yang baik serta selamat untuk dimakan (Arif & Sidek, 2015). Makanan yang diklasifikasikan sebagai halal perlu bersih, yang bermaksud kebersihan harus dijaga dari ladang hingga ke pinggan hidangan, dan ia juga perlu dimasak dengan sempurna untuk mengelakkan kesan sampingan dan penyakit (Shamsudin *et al.*, 2023).

Pelbagai pernyataan masalah yang diperoleh berkaitan faktor-faktor yang menghalang pensijilan halal Malaysia antaranya ialah pengurusan halal. Pelaksanaan dan penekanan terhadap tadbir urus industri halal masih di peringkat awal dan agak jauh dari tahap memuaskan, namun tidak mustahil untuk diamalkan dan dilaksanakan oleh pihak yang terlibat dalam industri ini. Menurut Ab. Latif (2020), fungsi kedua-dua pihak melalui mekanisme dalaman dan luaran perlu diperkasakan bagi memastikan pengawalan dapat dilakukan pada tahap yang paling optimum. Mekanisme dalaman ialah pengawalan dan pemantauan yang dilakukan oleh lembaga pengarah, pengawalan dalaman dan audit. Manakala, mekanisme luaran merujuk kepada fungsi pihak berkuasa berutoriti atau agensi terlibat, pengaruh pasaran dan pelabur (Nurul, 2020). Seterusnya ialah proses permohonan yang kompleks dan rumit. Menurut penulisan Arif (2021), menyatakan bahawa terdapat masalah dalam proses pensijilan yang menyukarkan pemohon untuk memohon Pensijilan Halal Malaysia (PHM) sehinggakan terdapat gesaan dari pihak tertentu seperti pengusaha perindustrian kecil dan sederhana (PKS) dan pengguna yang mempersoalkan status halal suatu poduk berkenaan. Hal ini juga pengusaha terpaksa meminta JAKIM memberi kelonggaran dan mempermudah proses PHM. Berikutan dengan itu, antara punca sukarnya proses pensijilan ini adalah pengetahuan yang sikit terhadap prosedur dan peraturan baru hasil daripada semakan semula penyelarasan pensijilan halal. Maka, hal ini menjadi satu cabaran bagi pihak berkuasa dan pihak pengusaha atau pemegang sijil halal dalam melancarkan proses ini (Ahmad & Junoh, 2022). Berikutan daripada kesukaran proses

memohon pensijilan, maka isu pemalsuan logo dan pensijilan halal yang terdapat di premis-premis pun timbul. Penipuan sijil dan status halal dilaporkan oleh media tempatan dan menyebabkan impak negatif kepada keyakinan pengguna. Justeru, isu lain seperti peruntukan perundangan khas berkaitan halal juga dibangkitkan dalam proses pensijilan. Hal ini menekankan tentang pemberian hak kuasa kepada pihak berkuasa yang terlibat contohnya JAKIM dan KPDNKK seperti yang telah disebut dalam kajian Zakaria (2022). Akhir sekali tahap kesedaran halal di kalangan masyarakat terutamanya pengusaha industri kecil dan sederhana juga menjadi isu dan mampu mempengaruhi perkembangan industri halal di Malaysia.

Kajian ini penting kerana ia dapat membantu meningkatkan kesedaran dan pengetahuan dalam kalangan usahawan khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berhubung keperluan dan kepentingan mematuhi piawaian pensijilan halal. Melalui kajian ini, pihak berkuasa seperti JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dapat mengenal pasti kelemahan dalam sistem pensijilan halal dan menambah baik proses tersebut, seperti mempercepatkan masa pemprosesan dan mengurangkan kos, menjadikan pensijilan lebih mudah diakses oleh pengusaha. Kajian ini juga mampu membantu JAKIM serta agensi yang terlibat dalam mengenal pasti faktor-faktor yang boleh merencatkan pelaksanaan tadbir urus serta bertindak sebagai platform pemeraksanaan dan penambah baik tadbir urus. Kajian ini juga berperanan dalam meningkatkan kepercayaan pengguna Islam dan bukan Islam terhadap produk halal, menekankan bahawa pensijilan halal bukan sahaja mematuhi undang-undang Syariah Islam, tetapi juga memastikan kesucian, keselamatan dan kualiti produk. Selain itu, kajian ini menyumbang kepada pembangunan industri halal di Malaysia, yang berhasrat untuk menjadi pusat halal global. Dengan mengenal pasti cabaran pensijilan, kajian ini boleh membantu untuk menambah baik daya saing produk halal Malaysia di peringkat tempatan dan antarabangsa. Secara tidak langsung, ia menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara melalui peningkatan eksport produk halal dan mengukuhkan sumbangan industri halal kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK). Kajian ini juga memastikan pengguna mendapat akses kepada produk halal yang berkualiti, bersih dan selamat yang akhirnya memenuhi keperluan dan keinginan mereka. Secara umumnya, kajian ini penting untuk menggalakkan pembangunan industri halal, mengukuhkan keyakinan pengguna dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisa faktor-faktor yang menghalang pensijilan halal Malaysia dari perspektif pihak berkuasa halal Malaysia, dengan menggunakan kaedah kualitatif yang dijalankan melalui sesi temubual bersama pihak berkuasa yang terlibat dalam proses pensijilan halal khusus di negeri zon selatan antaranya ialah Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ), Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), dan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Sembilan (JHEAINS).

2. Kajian Literatur

2.1 Definisi Halal

Kajian ini mengkaji literatur yang memberikan latar belakang dan konteks untuk kajian yang sedang dilakukan ini. Beberapa isu berkaitan faktor-faktor yang menghalang pensijilan halal telah dibangkitkan dalam kajian lepas, akan tetapi ia banyak menyentuh tentang salah satu sembilan skim pensijilan iaitu produk makanan dan minuman. Hal ini, termasuk tahap pengetahuan, amalan jaminan kualiti halal dan komitmen dalam melaksanakan piawaian halal. Selain itu, isu-isu lain juga telah dinyatakan seperti isu kewangan, proses pensijilan dan lain-lain. Oleh itu, bukti yang menunjukkan tentang perkara berkaitan diketengahkan.

Merujuk Kamus Dewan pula, halal adalah hukum bagi perbuatan yang tidak menyalahi hukum syarak dan halal itu berlawanan kepada hukum haram. Konteks halal adalah konteks yang sangat luas kerana pelbagai perkara yang boleh kita bahaskan. Sebagai contoh, tentang produk makanan dan minuman, suatu produk makanan dan minuman yang diproses boleh dikelaskan sebagai halal sekiranya bahan mentah, komponen dan bahan tambahan yang lain adalah halal serta pemprosesannya yang menepati panduan yang ditetapkan syarak dan standard piawaian halal. Aspek halal dalam konteks tersebut merangkumi penyediaan, pemprosesan, penyimpanan, pembungkusan, pengendalian, dan pengangkutan. Keseluruhannya, mestilah selaras dengan ketentuan syarak (Arif & Sidek, 2015). Berikutan dengan itu, konsep halalan tayyiban juga diterapkan dalam kehidupan harian umat Islam. Menurut Arif dan Sidek (2015), konsep halalan tayyiban seharusnya merangkumi dua kriteria utama. Kriteria yang pertama adalah, ia mestilah halal dan diambil dari sumber yang halal. Kedua, mempunyai kualiti yang baik dan boleh memberi manfaat kepada pengguna. Bagi masyarakat di dunia ini khususnya yang beragama Islam, mereka akan menilai sesuatu produk itu halal atau haram itu merujuk kepada label atau logo yang diiktiraf. Dalam topik halal yang luas ini, konflik atau isu yang menekankan tentang halal seperti penyalahgunaan label sering terjadi. Persoalan yang timbul kebiasaannya menyentuh tentang sama ada tindakan sewajarnya dikenakan terhadap pengeluar produk yang menyalahgunakan label halal kerana kebanyakan tindakan yang di ambil oleh pihak berkuasa lebih kepada tindakan pentadbiran. Dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga, 2014), terdapat lima tindakan yang diambil terhadap pengeluar produk yang menyalahgunakan label halal iaitu memberi notis amaran, notis penggantungan, penarikan balik sijil halal, mengenakan denda dan arahan penutupan premis jika sabit kesalahan yang dilakukan.

2.2 Skim Pensijilan Halal


Dalam pensijilan halal, Malaysia telah memperkenalkan sembilan skim pensijilan iaitu pusat penyembelihan, premis makanan, makanan dan minuman, pengilangan kontrak, barang gunaan, kosmetik, farmaseutikal, produk peranti perubatan, dan logistik. Berdasarkan daripada kajian lepas Syamel & Zur, (2024) iaitu faktor-faktor ketidakpatuhan pengguna muslim terhadap pemilihan makanan halal, kajian mendapati antara faktornya ialah faktor pengetahuan dan penghayatan agama kerana ia bergantung kepada sejauh mana kepercayaan seseorang individu terhadap agamanya. Dari sudut pandangan lain pula, kajian oleh Shafie, (2019) yang bertujuan memfokuskan kepada pelabelan makanan dengan melihat ciri-ciri, fungsi serta syarat pelabelan yang perlu diaptuhi oleh pengeluar makanan dan mencadangkan kepada pihak berkuasa perlu mengambil langkah proaktif dalam masalah-masalah yang melibatkan pelabelan atau pensijilan.

Produk kosmetik juga perlu diketengahkan dimana produk kosmetik yang bebas dari bahan terlarang dari segi hukum syarak seperti bahan yang diperbuat dari haiwan terutama sekali bahagian yang diperbuat dari anggota badan babi. Selain itu, bahan lain yang memudaratkan kesihatan dan keselamatan diri seperti merkuri dan steroid juga sedang hangat diperkatakan dalam isu kosmetik halal. Dari kajian oleh Ahmad & Junoh, (2022) yang bertujuan untuk mengenalpasti bahan-bahan terlarang yang memudaratkan serta unsur-unsur yang meragukan hukum syarak dalam kosmetik semasa. Kajian ini menekankan juga tentang kesedaran pengusaha dan pengguna muslim dalam perlu memastikan kosmetik semasa mematuhi standard halal yang ditetapkan.

Bagi premis makanan, kajian Dimon, (2020) yang dilakukan secara kualitatif bagi menjelaskan peruntukan kesalahan berkaitan halal yang terdapat dalam akta dan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri Malaysia di mana pentadbiran agama Islam di peringkat negeri sangat memberi perhatian yang serius terhadap prinsip halal dalam kehidupan umat Islam. Sorotan literatur dari Ab Rahman, (2019), kajian pelaksanaan MS2200- 2008 oleh industri kosmetik halal di Malaysia adalah amat penting untuk menilai industri kosmetik halal di Malaysia terhadap MS2200-1:2008. Selain itu, halal logistik, dalam kajian lepas bagi menganalisis keberkesanan pengurusan dalam pensijilan halal antara agensi berkaitan di mana menyentuh tentang logistik halal. Dalam kajian yang dilakukan terhadap perusahaan logistik industri kecil dan sederhana (IKS), mendapati kekurangan lorong atau tempat berasingan bagi produk halal dan bukan halal yang berisiko untuk bertindih atau berlaku pencemaran silang antara produk tidak halal serta produk yang halal (Muhamad, 2023).

2.3 Pensijilan Halal Malaysia

Kerangka konseptual Pensijilan halal akan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan daripada panel kelulusan pensijilan halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang terdiri daripada pakar Syariah dan saintis dalam hal teknikal. Sebagai contoh, selepas pensijilan sesebuah premis makanan mesti mempamerkan logo halal di tempat yang boleh dilihat dan sesuai. Berdasarkan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014 telah menyatakan langkah prosedur permohonan mengikut skim. Semua permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia hendaklah dibuat secara atas talian melalui sistem MyeHalal di www.halal.gov.my. carta alir prosedur permohonan pensijilan halal ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Carta Alir Prosedur Permohonan Pensijilan Halal

2.4 Isu Pensijilan Halal Malaysia

2.4.1 Produk Makanan dan Minuman dan Rumah Penyembelihan

Isu pensijilan halal dalam aspek makanan dan minuman serta rumah penyembelihan adalah berkait dan menjadi isu yang berterusan seolah-olah tidak menjumpai titik penyelesaiannya. Soal halal atau haram sesuatu produk adalah dianggap sebagai perkara sensitif yang sentiasa menimbulkan perdebatan dalam kalangan masyarakat di negara Malaysia (Firdaus, 2023). Penggunaan nama terhadap produk makanan penting bagi meluaskan pasaran produk dalam kalangan masyarakat sekali gus melariskan jualan (Md Ariffin *et al.*, 2024). Menurutny lagi, hal ini berlaku kekeliruan di kalangan pengguna Muslim ketika mendapatkan makanan, minuman dan barangan yang berada dalam pasaran tempatan. Sebagai contoh, perkataan *hotdog* jika diterjemahkan kepada Bahasa Melayu bermaksud 'anjing panas' yang menggambarkan haiwan yang tidak halal secara hukumnya daging babi dan anjing disenaraikan sebagai najis mughallazah dalam mazhab Syafie. Maka dalam hal ini, JAKIM telah menetapkan syarat-syarat ketat yang perlu dipenuhi pengusaha sebelum mendapat pensijilan halal. Syarat-syarat yang ditetapkan bukan sahaja merangkumi aspek halal malah mengambil kira aspek tayyib.

2.4.2 Rumah Penyembelihan

Berdasarkan kajian oleh Mohamad Asrar dan Moormasitah (2024), dalam isu penyembelihan terdapat konsep petua dan amalan penyembelihan dalam kalangan masyarakat Kadok, Kelantan. Hal ini menentangkan isu kepercayaan dan kebergantungan seseorang dalam amalan ajaran Islam dalam penyembelihan. Kecenderungan masyarakat melayu lebih tinggi menerima dan mengamalkan petua berbanding fatwa dalam kehidupan harian mereka. Ini kerana sensitif terhadap petua itu lebih diberi keutamaan berbanding fatwa yang boleh memberi panduan dalam kehidupan mereka. Selain itu, punca yang menyebabkan masyarakat melayu dalam memilih antara petua dan fatwa adalah kekeliruan tentang tuntutan agama dan larangannya.

2.4.3 Barang Gunaan

Menurut kajian lepas berkaitan dengan bahan sabun pencuci baju. Semasa berlakunya pandemik COVID-19, pengguna lebih memilih sabun yang mampu membunuh kuman dan bakteria dan hal ini mengubah normalisasi negara Malaysia (Tukiran & Badrul, 2024). Walaupun sabun pencuci adalah untuk mencuci dan membersihkan segala kekotoran, akan tetapi bahan yang digunakan untuk menghasilkan sabun mungkin mengandungi kandungan yang mendatangkan syubuh kepada pengguna Muslim.

2.4.4 Peranti perubatan, farmaseutikal, dan logistik

Konsep sertu adalah isu utama yang dibangkitkan dalam tiga skim tersebut. Menurut kajian Rahman *et al.* (2024), mereka menyatakan keperluan dalam mengaplikasikan garis panduan dalam menggunakan tanah liat untuk tujuan sertu dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan halal. Hal ini, termasuk pengambilkiraan sifat kimia tanah, keselamatan serta kandungan toksik. Tambahan pula, kajian oleh Shariff *et al.*, (2024) yang melihat dari sudut integriti amalan sertu halal logistik yang menyatakan bahawa wujud perbezaan antara amalan sertu syariah dan sertu industri, dalam konteks prosedur serta kaedah, khususnya yang melibatkan mesin dan peralatan yang sensitif dengan air, dan kawasan yang sukar seperti berkarpet.

2.4.5 Kosmetik

Dalam konteks ini sebagai contoh, gliserin yang berasal daripada lemak haiwan seperti babi adalah salah satu bahan kimia yang sering ditemui dalam produk kosmetik iaitu losyen, krim kulit, dan pewarna rambut (Ab Rahman, 2019). Dalam isu produk halal kosmetik, perkara yang sering ditekankan adalah bahan dan kandungan produk itu sendiri kerana ia akan menyerap masuk ke dalam tubuh badan dan jika produk tersebut mengandungi kandungan yang membahayakan nyawa antaranya seperti merkuri, ia akan memudaratkan diri dan nyawa.

2.4.6 Premis makanan

Memohon pensijilan yang bersifat sukarela menyebabkan pengusaha premis makanan kurang berminat dan kurang peka untuk mendapatkan sijil halal (JAKIM, 2024). Kebanyakan pengusaha PKS sukar untuk mendapatkan pensijilan halal terutamanya bagi memenuhi perubahan permintaan semasa dalam syarat pensijilan halal. Ini disebabkan oleh kekurangan modal serta tahap kesedaran dan kesediaan yang rendah (Pauzi & Sa'adan Man, 2019).

2.5 Industri Halal di Malaysia

Industri halal Malaysia telah berkembang dengan pantas dan kini merupakan salah satu bidang yang paling berpotensi untuk memberikan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Malaysia telah memegang tempat pertama dalam Indikator Ekonomi Islam Global (GIEI) selama sepuluh tahun berturut-turut, menunjukkan sistem pensijilan halal negara yang berkualiti tinggi dan diiktiraf di seluruh dunia. Kejayaan ini tidak hanya terhad kepada sektor makanan, tetapi juga meliputi bidang lain seperti farmaseutikal, kosmetik, dan logistik (Abdul, 2024).

Menurut Kamarudin & Wahid (2020), dengan populasi Muslim yang kini dianggarkan sekitar 1.83 bilion, yang mewakili hampir 25% daripada jumlah penduduk dunia, permintaan untuk produk halal terus meningkat. Ini bukan sahaja merangkumi makanan, tetapi juga sektor lain seperti farmaseutikal, kosmetik, dan perkhidmatan. Menurut laporan Frost & Sullivan, pasaran halal global dijangka mencapai nilai USD 4.96 trilion (RM22.34 trilion) menjelang tahun 2030, meningkat dari USD 2.3 trilion pada tahun 2020. Di kalangan bukan Muslim, kesedaran tentang 9 produk halal semakin meningkat. Mereka menyedari faedah pemakanan yang selamat dan sihat serta keperluan untuk produk yang memenuhi piawaian etika dan kebersihan.

Premis makanan antarabangsa juga dapat dilihat berkembang pesat di kawasan bandar yang maju dan sedang berkembang pesat (Ramli, 2020). Hal ini telah mengubah tabiat pemakanan budaya tempatan masyarakat Melayu Muslim serta peningkatan taraf hidup moden dalam mencari pendapatan boleh menyebabkan masyarakat lebih terdedah dengan pemilihan. Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memainkan peranan penting dalam mengkaji, mengesah dan mengawal selia produk makanan dan barangan gunaan Islam supaya menjamin halal dan suci.

2.6 Pihak Berkuasa Pensijilan Halal Malaysia

Badan berkuasa pensijilan halal di Malaysia yang pertama adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), yang memainkan peranan utama dalam mengawal selia dan mengeluarkan sijil halal bagi produk makanan dan barangan gunaan. JAKIM bertanggungjawab untuk memastikan semua produk yang diiktiraf sijil halal mematuhi hukum-hukum syarak dan piawaian yang ditetapkan. Selain itu, JAKIM juga menjalankan pemeriksaan dan pengesahan halal ke atas rumah sembelih serta penganalisan sampel produk untuk memastikan kesucian dan kehalalan produk tersebut. Sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam hal-hal berkaitan Islam di negara ini, JAKIM melalui Bahagian Pengurusan Halal, merupakan agensi tertinggi yang menguruskan pensijilan dan penguatkuasaan status halal (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), (2020).

Selain JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) juga berperanan penting dalam melakukan proses pensijilan halal di peringkat negeri. Menurut Othman (2022), setiap Jabatan Agama Islam Negeri mempunyai kuasa untuk menguruskan isu-isu berkaitan halal, tetapi proses pensijilan dan pengeluaran sijil perlu diselaraskan dengan JAKIM untuk memastikan keseragaman dan standard yang tinggi. Ini termasuk penyemakan dokumen permohonan, pemeriksaan premis, dan pengauditan produk untuk memastikan

pematuhan kepada standard halal yang ditetapkan. Selain itu, mereka bertanggungjawab memantau pemegang SPHM bagi memastikan mereka terus mematuhi pawaiian halal. Mereka juga menjalankan penguatkuasaan terhadap sebarang pelanggaran yang berkaitan dengan penggunaan logo halal dan memastikan integriti pensijilan halal terpelihara. Tambahan lagi, JAIN/MAIN menganjurkan program kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat serta industri mengenai kepentingan halal. Mereka menyediakan khidmat nasihat dan mempromosikan kesedaran halal di pelbagai peringkat masyarakat di negeri masing-masing (Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), 2024). Selain itu, JAIN/MAIN bekerjasama dengan JAKIM dalam memastikan penyelarasan standard halal di seluruh negara di mana mereka terlibat dalam penyediaan laporan pemeriksaan dalam Panel Jawatankuasa Halal Negeri (Abdul Salam, 2023). JAIN/MAIN juga menguruskan permohonan tauliah penyembelih, memastikan individu yang terlibat dalam penyembelihan halal memenuhi syarat dan standard yang diterapkan. Akhir sekali mereka menguruskan proses pengeluaran dan pematuhan terhadap SPHM serta aduan halal bagi memastikan produk dan barang gunaan dijamin halal, suci, selamat dimakan dan digunakan (JAIJ), 2024).

2.7 Faktor-faktor Cabaran Pensijilan Halal

2.7.1 Isu Kepenggunaan dan Pengetahuan tentang Halal

Pengusaha bukan Muslim merekodkan peratusan lebih tinggi dalam memperoleh sijil halal berbanding pengusaha dari kalangan Muslim (Ameer *et al.*, 2021). Hal ini terjadi kerana segelintir dalam kalangan pengusaha Muslim yang beranggapan pensijilan halal tidak begitu diperlukan memandangkan status agama Islam mereka sudah dianggap mencukupi dalam meyakini kehalalan produk makanan mereka. Menurut Saiman & Yusma, (2022), usahawan dalam kalangan Muslim menunjukkan kurang minat untuk mendapatkan pensijilan halal walaupun ia menawarkan pelbagai manfaat sebagai contoh dapat memastikan produk mereka halal, bersih, suci, memudahkan pekeksportan barangan ke 10 pasaran luar negara serta mewujudkan standard keselamatan kepada pengguna. Menurut Ab Rahman (2019), statistik permohonan SPHM menunjukkan kebanyakan pemohon atau pemegang sijil terdiri daripada pengusaha makanan bukan Islam. Selain itu, terdapat juga persepsi negatif tentang produk halal yang boleh merencatkan proses pemasaran produk. Ini kebiasaannya terjadi kerana salah tanggapan dan kurang pahaman tentang produk halal dan proses sijil perakuannya menyebabkan ketidakpercayaan dalam kalangan pengguna bukan Islam (Kamaruddin & Norhashimah, 2020).

2.7.2 Tiada Undang-undang Khusus

Dari sudut perundangan, Malaysia tidak mempunyai akta khas berkaitan halal yang boleh diguna pakai ke seluruh negara malah penggubalan akta ini ialah berkaitan dengan perlembagaan di mana halal adalah berkaitan dengan agama Islam, maka ianya termaktub di bawah bidang kuasa negeri (Pauzi & Sa'adan Man, 2019).

Pada tahun 2011, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mempunyai kuasa dalam menyita, mengkompaun dan mendakwa mana-mana premis dan rumah sembelihan di Malaysia. Manakala, pegawai JAKIM sebagai pemantau, pengesah kesalahan dan saksi bagi kes-kes yang berkaitan termasuk isu penyalahgunaan logo halal (Zakaria, 2022). Ini menunjukkan bidang kuasa JAKIM yang terhad dan telah menyebabkan penguatkuasaan halal sukar dijalankan secara berkesan. Malah JAKIM memerlukan bantuan dari agensi-agensi kerajaan yang lain bagi melancarkan proses penguatkuasaan.

2.7.3 Kewibawaan Pihak Berkuasa dalam Pengurusan Halal

Menurut kajian Madihatun (2023), sistem Islam dalam apa jua perkara termasuk hal pentadbiran atau pengurusan, adalah penting dan merupakan kunci penghayatan kepada sistem nilai dan etika kehidupan manusia. Piagam Pelanggan (PP) wajar diaplikasikan dalam semua agensi bagi menyelaraskan matlamat serta dapat mengukur tahap pencapaian Piagam Pelanggan masing-masing dalam organisasi (Zainuddin, 2022). Kajian dari Che Rosmawati dan Zalina Zakaria (2022), menyatakan antara isu pengurusan halal di Malaysia adalah kurang kefahaman dan kesedaran tentang undang-undang Islam, prinsip dan garis panduan oleh pihak yang berurusan dengan hal berkaitan halal.

3. Metodologi Kajian

3.1 Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini, reka bentuk data yang dipilih adalah kaedah kualitatif. Penyelidikan kualitatif merujuk kepada meneroka isu dunia sebenar untuk mendapatkan pemahaman lebih mendalam (Rofiah, 2022). Tahajuddin *et al.* (2021) menyatakan kajian kualitatif adalah proses penyelidikan yang melibatkan pembentukan soalan dan prosedur data yang biasanya dikumpul mengikut penetapan informan.

3.2 Kaedah Temubual

Temubual jenis separuh struktur digunakan bagi membolehkan pengumpulan data yang lebih lengkap dan tidak terhad. Penemuramah tidak terhalang dengan jumlah soalan dan turutan soalan yang ditanyakan bagi memberi kebebasan kepada penemuramah untuk melontarkan soalan tambahan jika perlu. Temubual jenis ini memberi kelebihan di mana ketelitian soalan membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dalam sesuatu perkara.

3.3 Populasi dan Persampelan Kajian

Sampel dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu teknik pensampelan bukan kebarangkalian yang digunakan oleh penyelidik untuk mengenal pasti subjek yang berpotensi dalam kajian di mana subjek sukar dicari. Hal ini kerana kajian ini mengkhusus kepada perspektif pihak berkuasa maka kaedah ini sesuai digunakan bagi kajian ini.

Maka populasi sasaran kajian ini meliputi badan pensijilan (*zon selatan*) yang terlibat secara langsung dalam proses pensijilan halal, seperti Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAIJ), Jabatan Agama Islam Negeri Melaka (JAIM), dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).

3.4 Analisis Data

Jenis analisis dalam kaedah kualitatif ialah analisis data bukan statistik iaitu data yang tidak boleh dihitungkan. Data diperoleh melalui proses temubual menyebabkan analisis bukan statistik adalah lebih sesuai digunakan. Data kualitatif biasanya diproses atau dianalisis berdasarkan isi naratif daripada penerangan dan penceritaan informan. Analisis bukan statistik ini sering dirujuk sebagai analisis kandungan, yang merangkumi analisis deskriptif, kritikal, perbandingan, dan analisis sintesis. Data yang diperoleh telah dikumpulkan dalam dua proses utama.

Pernyataan yang panjang akan diringkaskan supaya lebih padat dan ringkas di mana perkara utama yang dinyatakan oleh informan atau pemerhatian yang dilakukan akan disusun semula (Fariq *et al.*, 2022). Secara amnya, ringkasan maklumat yang melibatkan pemadatan daripada pernyataan yang panjang kepada perkataan yang lebih pendek dan ringkas.

Data yang dibahagikan mengikut kategori melibatkan dua aktiviti iaitu membina kategori dan kemudiannya menggunakan kategori ini untuk memasukkan data yang telah diterima berdasarkan kategori yang tersedia. Data temubual diasingkan mengikut subkategori sesuai supaya data tersusun di dalam kumpulan yang sama. Seterusnya, kategori yang relevan dilabelkan kepada setiap kumpulan data untuk menghubungkan maklumat yang telah diberikan informan.

4. Keputusan dan Perbincangan

4.1 Latar Belakang Informan

Soalan pada bahagian ini adalah untuk mendapatkan maklumat demografi informan dalam kajian ini. Jadual 1 menunjukkan senarai informan yang mengambil bahagian dalam kajian ini.

Jadual 1 Latar Belakang Informan

Informan	Jawatan	Organisasi	Pengalaman kerja (tahun)
R1	Pegawai Teknologi Makanan, Bahagian Pengurusan Halal	Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAIM)	12
R2	Ketua Unit Pensijilan Bahagian Pengurusan Halal	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS)	2
R3	Penolong Pengarah Unit Pensijilan Halal	Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAIJ)	3

Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan maklumat-maklumat tentang informan iaitu nama, jawatan serta syarikat, pengalaman kerja, emel serta tarikh dan masa kajian ini dijalankan. Kesemua informan berpengalaman dan latar belakang iforman adalah bersesuaian dengan skop kajian. Melalui pengalaman informan di dalam pengurusan pensijilan, pelbagai maklumat dapat diperolehi berdasarkan penglibatan, pengetahuan dan pemerhatian informan dalam isu atau cabaran dalam industri halal Malaysia. Perkara tersebut meningkatkan keyakinan dan kesahihan terhadap pandangan yang diberikan informan kerana terlibat secara langsung dalam proses pensijilan halal Malaysia.

4.2 Faktor Cabaran yang Dihadapi oleh Pihak Berkuasa Pensijilan Halal dalam Menguruskan Proses Pensijilan

4.2.1 Kekurangan sumber manusia

Merujuk Jadual 2, kesemua informan (R1 hingga R3) memberi konteks jawapan yang sama terhadap kekurangan sumber adalah faktor punca cabaran dalam menguruskan proses pensijilan halal Malaysia. Berikut adalah merupakan kenyataan daripada informan: "...isu kekurangan tenaga kerja. Permohonan pensijilan halal semakin banyak, terutamanya daripada sektor makanan, kosmetik, dan farmaseutikal. Tapi jumlah kakitangan yang kita ada untuk menilai, memproses, dan mengaudit permohonan ini tak cukup untuk penuhi permintaan dengan cepat. Kalau tanya saya, saya rasa masalah ni memang 'common' walaupun dekat JAIN, mesti akan sebut pasal ni." (R1). Manakala, "Isu biasa ialah jumlah permohonan yang tinggi, tapi tenaga kerja dan masa terhad." (R3)

4.2.2 Kekangan sumber teknologi

Berdasarkan Jadual 2, semua informan (R1 hingga R3) menyatakan bahawa kekurangan sumber, peralatan, dan teknologi mampu mempengaruhi proses pensijilan halal. Berikut merupakan kenyataan dari informan: "...teknologi pun ada cabarannya. Walaupun kita dah ada sistem online untuk permohonan, masih ada pihak yang tak biasa dengan teknologi atau tak lengkapkan permohonan mereka dengan betul."(R3). Manakala, "...isu kekangan sumber, terutamanya dari sudut peralatan dan teknologi. Kami perlu jalankan pemeriksaan makmal untuk sesetengah produk, tapi tak semua makmal di negeri ini mempunyai fasiliti yang lengkap."(R2)

4.2.3 Kesedaran dan pengetahuan pemohon pensijilan

Jadual 2 menunjukkan ketiga-tiga informan berpendapat bahawa kurang kesedaran dan pengetahuan pemohon pensijilan halal dalam konteks ini mampu memberi cabaran yang besar terhadap pengurusan pensijilan. Hal yang demikian dinyatakan seperti berikut: "...isu kesedaran dan kefahaman pemohon lag-lagi pengusaha kecil ni. Masih ramai lagi yang kurang faham tentang keperluan sebenar pensijilan halal."(R2) Manakala, "...bagi pengusaha, bila mereka kurang pengetahuan, proses nak mohon pensijilan halal ni jadi lebih lambat."(R1)

Jadual 2 Faktor Cabaran yang dihadapi oleh pihak Berkuasa Pensijilan Halal dalam menguruskan Proses Pensijilan

Faktor	R1	R2	R3
Kekurangan sumber manusia	/	/	/
Kekangan sumber, peralatan dan teknologi	/	/	/
Kurang kesedaran dan pengetahuan pemohon pensijilan	/	/	/

4.3 Cadangan yang boleh diambil bagi meningkatkan Prestasi Pihak Berkuasa Pensijilan Halal

4.3.1 Menambah kuota dan bilangan sumber manusia

Berdasarkan Jadual 3, semua informan (R1 hingga R3) menyatakan bahawa dengan menambah kuota dan bilangan pekerja mampu membantu pihak pengurusan dalam meringankan bebanan kerja yang banyak. Hal ini dinyatakan oleh informan berkenaan: "...kita kena tambah kuota sumber manusia. Beban kerja makin bertambah, permohonan pensijilan pun makin banyak, tapi kalau tenaga kerja tak cukup, kita akan terlewat uruskan." (R3). Manakala, "...buat sistem penggiliran kuasa atau tugas. Kadang-kadang, bila seseorang terlalu lama di satu unit, dia mungkin tak dapat lihat keseluruhan perspektif pengurusan halal. Dengan penggiliran, setiap pegawai boleh dapat pengalaman baru, belajar cara lain untuk menyelesaikan masalah, dan jadi lebih versatil. Ini juga elakkan rasa "stagnan" dalam kerja." (R2)

4.3.2 Menambahbaik sumber, peralatan dan teknologi

Jadual 3 menunjukkan ketiga-tiga informan berpendapat bahawa dengan menambahbaik sumber, peralatan dan teknologi memberi kesan yang baik dalam mengatasi cabaran proses pensijilan halal. Berikut dinyatakan seperti: "...kita kena memanfaatkan sistem digital sepenuhnya. Macam sekarang ni, kita dah ada MyeHALAL, tapi kita boleh tingkatkan lagi dengan integrasi data yang lebih baik." (R3)

4.3.3 Menyebarkan pengetahuan dan kesedaran terhadap pemohon dan pengguna

Merujuk Jadual 3 kesemua informan (R1 hingga R3) berpendapat bahawa dengan menyebarkan pengetahuan dan kesedaran terhadap pemohon dan pengguna memberi impak yang baik kepada kelancaran proses pensijilan halal. Berikut merupakan kenyataan dari informan: "...kita boleh buat lebih banyak sesi outreach macam bengkel atau seminar." (R1) Manakala, . Kita boleh buat infografik, video pendek, atau testimoni dari pengusaha lain yang dah berjaya dapat sijil halal. Bila mereka nampak contoh kejayaan, semangat tu akan datang dengan sendirinya." (R3)

4.3.4 Peningkatan bajet dan sokongan kerajaan

Berdasarkan Jadual 3, ketiga-tiga informan (R1 hingga R3) bersependapat bahawa 14 aspek peningkatan bajet dan sokongan kerajaan juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan prestasi pihak berkuasa pensijilan halal. Seperti yang dinyatakan oleh informan, "...peningkatan bajet dan sokongan kerajaan juga sangat penting untuk memperbaiki prestasi sistem pensijilan halal. Dengan peruntukan kewangan yang mencukupi, kami boleh melaksanakan pelbagai inisiatif yang lebih berkesan." (R1) dan Bajet untuk R&D juga penting. Dengan sokongan ini, kami dapat bekerjasama dengan universiti dan institusi penyelidikan untuk menjalankan kajian mengenai cabaran yang dihadapi oleh industri, mengenal pasti teknologi baharu yang sesuai, dan memperkembangkan prosedur pensijilan. Kajian juga boleh membantu meningkatkan daya saing pensijilan halal Malaysia di peringkat antarabangsa." (R2)

4.3.5 Kerjasama strategik

Merujuk Jadual 3, informan (R1 hingga R3) menyatakan bahawa kerjasama strategik juga mampu mempengaruhi prestasi pihak berkuasa pensijilan halal. Seperti yang dicadangkan oleh informan: "...kerjasama strategik amat penting dalam memastikan keberkesanan sistem pensijilan halal. Salah satu langkah utama ialah membina hubungan erat dengan industri, terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)." (R2) Manakala, "...kita boleh jalankan program mentor-mentee. Pengusaha yang dah berpengalaman dalam proses pensijilan halal boleh jadi mentor untuk pengusaha baru. Cara ni lebih praktikal sebab mereka dapat panduan terus daripada orang yang pernah lalui proses yang sama." (R3)

Jadual 3 Cadangan yang boleh diambil bagi meningkatkan prestasi pihak berkuasa pensijilan halal

Cadangan	R1	R2	R3
Pengukuhan sumber manusia	/	/	/
Peningkatan teknologi dan infrastruktur	/	/	/
Kesedaran dan pendidikan halal	/	/	/
Peningkatan bajet dan sokongan kerajaan	/	/	/
Kerjasama strategik	/	/	/

4.4 Perbincangan

Menerusi temubual yang dijalankan bersama informan, data yang dianalisis menunjukkan bahawa objektif pertama ini telah berjaya dicapai. Dari dapatan kajian, kekurangan sumber manusia, kekurangan kakitangan juga turut memberikan bebanan dan cabaran kepada pihak Bahagian Pengurusan Halal untuk melaksanakan penguatkuasaan halal yang lebih mantap. Masalah kekurangan kakitangan badan pensijilan halal dilihat menjadi isu terhadap pelaksanaan halal yang mana sedikit sebanyak memberikan cabaran terhadap institusi halal yang sedia ada (Basir *et al.*, 2021). Selain itu, antara aspek yang menjadi cabaran besar kepada pihak BPH dalam melaksanakan tugas mereka adalah wujudnya masalah kekurangan peralatan dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan halal (Abdul Haziq Izzat 2016).

Berdasarkan temubual, informan berkaitan menyatakan bahawa tidak semua makmal di negeri mempunyai fasiliti yang lengkap, menyebabkan mereka terpaksa merujuk kepada makmal luar, yang seterusnya melambatkan proses pensijilan. Kesedaran dan pengetahuan pemohon mengenai pensijilan halal adalah aspek penting yang mempengaruhi keberkesanan proses pensijilan. Dalam kajian yang dijalankan, informan menyatakan bahawa banyak pengusaha, terutama dari sektor kecil, masih kurang memahami keperluan sebenar pensijilan halal. Mereka sering kali menganggap bahawa pensijilan hanya berkaitan dengan produk akhir tanpa menyedari bahawa ia juga melibatkan aspek lain seperti kebersihan premis, penyimpanan bahan mentah, dan pengendalian produk (Nor *et al.*, 2023).

Dari isu-isu dan cabaran dalam kajian literatur dan yang telah dinyatakan oleh informan, maka disini kita ingin tahu persepsi pihak berkuasa dalam inisiatif untuk meningkatkan prestasi pihak berkuasa pensijilan halal Malaysia. Antara cadangan yang pengkaji peroleh dari temubual adalah dengan menambah kuota dan bilangan sumber manusia. Penambahan kakitangan dianggap sebagai langkah penting untuk menangani isu kelewatan dalam proses pensijilan dan memastikan semua aspek pematuhan halal dapat diperiksa dengan teliti. Dengan jumlah kakitangan yang mencukupi, pihak berkuasa dapat 15 memberikan perhatian yang lebih baik kepada

setiap permohonan dan meningkatkan kepercayaan pengguna terhadap sistem pensijilan halal (Abdul, 2016). Selain itu, dengan adanya teknologi moden dan fasiliti yang lengkap, pihak berkuasa pensijilan dapat melaksanakan pemeriksaan makmal yang lebih efisien dan tepat, sekaligus mempercepatkan proses pensijilan.

Menurut Van der Spiegel, (2012), teknologi dalam industri halal membantu golongan ulama dalam menetapkan hukum dengan lebih tepat dan cepat. Justeru, daripada kajian literatur, yang membuktikan dari kajian lepas bahawa tahap kesedaran pihak pengusaha masih lagi perlu dititikberatkan walaupun ia berkembang dengan baik. Menurut Johari Ab. Latif, (2017), pihak kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi dan agensi-agensi yang berkaitan perlu untuk mengambil peranan dengan menawarkan program-program latihan ataupun pengajian dalam bidang yang berkaitan. Selain itu, bajet dan sokongan kerajaan memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan keberkesanan sistem pensijilan halal di Malaysia. Pihak berkuasa pensijilan halal seperti JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) memerlukan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan pelbagai inisiatif seperti latihan pegawai, penambahbaikan teknologi, dan program kesedaran halal. Peruntukan khas juga boleh digunakan untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi mengkaji cabaran dan peluang dalam industri halal (Nurul Aini, 2016). Secara keseluruhannya, bajet yang mencukupi dan sokongan kerajaan yang strategik akan membantu memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam industri halal global. Akhir sekali, kerjasama strategik antara pihak berkuasa pensijilan halal dan pihak berkepentingan lain adalah kunci untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem pensijilan halal di Malaysia. Dengan memperluas dan memperkukuh jaringan kerjasama strategik, pihak berkuasa pensijilan halal dapat memastikan sistem yang lebih efisien, telus, dan dipercayai oleh pelbagai pihak.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini menganalisis cabaran yang dihadapi pihak berkuasa pensijilan halal Malaysia, terutamanya dari perspektif JAKIM dan JAIN di negeri-negeri selatan. Kajian ini mendapati bahawa kekurangan tenaga kerja, sumber teknologi, dan kesedaran dalam kalangan pengusaha menjadi penghalang utama dalam memastikan keberkesanan proses pensijilan halal. Selain itu, isu pemalsuan logo halal, kesukaran permohonan sijil, dan kekurangan kerangka perundangan khas juga menjadi cabaran yang signifikan. Di samping itu, tahap kesedaran dan kefahaman pengguna serta pengusaha terhadap kepentingan pensijilan halal turut mempengaruhi perkembangan industri halal. Untuk mengatasi cabaran ini, beberapa cadangan telah dikemukakan, termasuk meningkatkan fasiliti teknologi, menambah bilangan kakitangan, memperbaiki sistem digital, dan memperkasakan pendidikan berkaitan halal. Kajian ini menekankan pentingnya kolaborasi strategik antara pihak berkuasa, industri, dan akademik untuk memperkukuhkan sistem pensijilan halal, meningkatkan kepercayaan pengguna, serta memajukan Malaysia sebagai pusat rujukan halal global. Usaha ini diharap dapat memastikan produk dan perkhidmatan halal di Malaysia memenuhi piawaian antarabangsa, memberikan manfaat kepada pengguna, dan menyumbang kepada ekonomi negara. Bagi memperkasakan proses pensijilan halal, pemerkasaan sumber manusia perlu diberi tumpuan melalui latihan berterusan pegawai halal serta penambahan staf, khususnya di negeri dengan permintaan tinggi seperti Melaka dan Johor, selain program mentor-mentee untuk pegawai baharu. Penggunaan teknologi seperti sistem pensijilan digital, blockchain bagi memantau, dan AI untuk menyaring permohonan dapat meningkatkan kecekapan dan ketelusan. Dari segi perundangan, penguatkuasaan perlu lebih tegas bagi menangani isu penipuan halal melalui peningkatan denda serta hukuman, manakala birokrasi dalam proses pensijilan perlu dikurangkan dengan penyelarasan prosedur dan audit berkala bagi memastikan pematuhan berterusan.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia untuk segala sokongan yang diberi.

Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Sumbangan Penulis

*Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: **konsepsi dan reka bentuk kajian:** Nurul Khairani Mohd Raes dan Alina Shamsuddin; **pengumpulan data:** Nurul Khairani Mohd Raes dan Alina Shamsuddin; **analisis dan interpretasi hasil:** Nurul Khairani Mohd Raes dan Alina Shamsuddin; **penyediaan draf manuskrip:** Nurul Khairani Mohd Raes dan Alina Shamsuddin. Semua penulis telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip.*

Rujukan

- Ab. Latif, J. (2017). Implementasi Malaysian Standard (MS) 2424 2012 Halal Pharmaceuticals - General Guidelines Kesan Kepada Pensijilan Halal Malaysia. *International Journal of Social Policy and Society*, 13.
- Ab Rahman, L. (2019). Shariah & Malaysian Halal Certification Practice.
- Ab Rahman, R. A. (2019). Pelaksanaan Standard Kosmetik Halal: Malaysian Standard Ms 2200 – Bahagian 1: 2008 Barang Gunaan Islam-Kosmetik Dan Dandanan Diri – Garis Panduan Umum: Satu Sorotan Literatur. *Journal of Shariah Law Research*, 4(2), 137–158.
- Abdul, M. H. (2024). Persepsi Pengguna Terhadap Tayyibandalam Makanan Halal: Analisis Kajian RINTIS. *International Journal of Islamic Studies*, 33(1), 1–16. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/621>
- Abdul, W. H. I. A. (2016). *Kajian pelaksanaan dan cabaran hisbah Pengurusan Hal Ehwal Islam (PHEI) MAIS dan JAIS di negeri Selangor Darul Ehsan*, Shah Alam.
- Abdullah, M. A., & Yusof, S. (2012, June). *Development of the Halal Certification: Add Value To The National Supply*. Halal International Seminar Program.
- Abdullah, M. A., Zakaria, Z., Hidayat Buamg, A., & Ismail, S. Z. (2021). Pensijilan halal di Malaysia: Suatu analisis pensejarahan dan perkembangannya. *Journal of Shariah Law Research*, 6(2).
- Abu Bakar, N., & Sidek, S. (2019). Impediment Factors To Successful Usage Of Online Halal Certification. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 7(2), 135–145. <https://doi.org/10.18510/hssr.2019.7214>
- Ahmad, H., Muhammad, I. M., & Mohd, F. M. S. (2022). Isu Dan Cabaran Dalam Pelaksanaan Rantaian Bekalan Halal Di Malaysia.
- Ahmad, M., & Junoh, N. (2022). Analisis Pandangan Hukum Menurut Ulama Kontemporari Dalam Isu Kepenggunaan Berkaitan Kosmetik. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(2-SE), 166–183. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no2-SE.495>
- Ameer, F. M. H., Muhamad, F. A. M. A., Zainul, A. M. A., Muhammad, I. H. H., Fazura, M., & Mohamad, H. M. S. (2021). *Cabaran pensijilan halal: kesediaan pengusaha industri dan premis makanan*. 3rd International Halal Management Conference (3rd IHMC 2021), 188– 199.
- Anis, H., & Muhammad, S. M. A. W. (2022). Regulating Halal Laws in Eradicating Halal Issues. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 5(2), 91–98. <https://doi.org/https://doi.org/10.53840/ijiefer79>
- Arif, S., & Sidek, S. (2015). Application of Halalan Tayyiban in the Standard Reference for Determining Malaysian Halal Food. *Asian Social Science*, 11(17). <https://doi.org/10.5539/ass.v11n17p116>
- Armutcu, & F. (2020). Islamic Religious Resources may be an Additional Source of Scientific Knowledge. *Journal of Qur'anic Studies and Modern Science*, 1(2), 9–23.
- Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan. (2020). *Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (KKM). Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan*. <https://jkn Selangor.moh.gov.my/index.php/bahagian/bahagian/bahagian-keselamatan-dankualiti-makanan>
- Basir, S. A., Ismail, S. H. S., Azmi I. A. G., & Mohamed, K. (2021). Nilai-nilai Islam dalam pelaksanaan sistem pengurusan kualiti ISO 9000: Kajian kes di institusi pengajian tinggi Malaysia. *International Journal of Islamic and Civilization Studies*, 2, 79–92. [www.http://jurnalumran.utm.my/index.php/umran](http://jurnalumran.utm.my/index.php/umran)
- Che, R., & Zakaria, Z. (2022). Integration of Islamic Management Principles and Values According to The Quran and Hadith in Fostering Halal Governance in Malaysia. *Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 157–181. <https://doi.org/https://doi.org/10.1163/22321969-12340112>
- Diana, E., & Rofiki, Moh. (2020). Analisis Metode Pembelajaran Efektif Di Era New Normal. *Jurnal Review Pendidikan Dan Pengajaran*, 3(2), 336–342. <https://doi.org/10.31004/jrpp.v3i2.1356>
- Dimon, Z. (2020). Undang-undang berkaitan Produk Halal di Malaysia: Perbandingan Kesalahan Penyalahgunaan Tanda Halal di Peringkat Negeri. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(1), 37–48. <https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/12>
- Fariq, W. M., Zamsiswaya, Z., & Tambak, S. (2022). Telaah Kepustakaan (Narrative, Tinjauan Sistematis, Meta-Analysis, Meta-Synthesis) dan Teori (Kualitatif, Kualitatif, Mix Method). *Journal Social Society*, 2(2), 75–84. <https://doi.org/10.54065/jss.2.2.2022.264>
- Firdaus, M. (2023). Pengetahuan Pengusaha Premis Makanan Terhadap Amalan Pensijilan Halal Malaysia. 6(1), 1–12. <https://jurnal.usas.edu.my/altakumul/index.php/altakmulfiles/article/view/141>
- Hakim, L. I., Md. Isa, N. M., Mohd Tahir, S., & Ibitoye, E. B. (2020). Effect of Halal and Non-Halal Slaughtering Methods on Bacterial Contamination of Poultry Meat. *Sains Malaysiana*, 49(08), 1947–1950. <https://doi.org/10.17576/jsm-2020-4908-16>
- Hilmi, A. F. M., Asri, Ariffin, Hasbullah, & Minhad. (2021). *Cabaran pensijilan halal: kesediaan pengusaha industri dan premis makanan*. In 3rd International Halal Management Conference (3rd IHMC 2021), 188–199.
- Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAIJ). (2024). Fungsi Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Jabatan Agama Islam Negeri Johor. <https://jainj.johor.gov.my/korporat/fungsi/>
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). (2024, December 17). Bahagian Pengurusan Halal. https://www.jais.gov.my/en/bahagian-pengurusan-halal/?utm_source=chatgpt.com

- Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Sembilan (JHEAINS). (2024). Bahagian Pengurusan Halal: Peranan. Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Sembilan. <https://jheains.ns.gov.my/index.php/mengenai-jheains/bahagian/pengurusan-halal>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2024, December 13). Bahagian Pengurusan Halal. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. <https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-pengurusanhalal/profil>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2023). Manual Prosedur Pensijilan Halal (semakan ketiga) 2014. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). <https://www.halal.gov.my/v4/images/pdf/MPPHM2014laters.pdf>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2020, December 6). Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). <https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-pengurusan-halal/profil>
- Jabatan Standard Malaysia. (2024). Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan Makanan Halal (semakan kedua). Jabatan Standard Malaysia.
- Kamaruddin, & Norhashimah. (2020). Potensi dan Cabaran Pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam Pemasaran Produk Makanan Halal semasa Pandemik Covid-19. *Journal of Management & Muamalah*, 10(2), 1–20. <https://jmm.uis.edu.my/index.php/jurnal/article/view/1>
- Kamarudin, H., & Wahid, H. (2020). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Premis Makanan Dalam Kalangan Melayu Muslim Bandar: Satu Sorotan Literatur. *Jurnal Fiqh*, 17(1), 135–170. <https://doi.org/https://doi.org/10.22452/fiqh.vol17no1.5>
- Md Ariffin, M. F., Mohamad Riza, N. S., Hamdan, M. N., Md Radzi, M. S. N., Abdul Rahman, N. H., & Abdul Hamid, M. F. (2024). Nama Haram Tapi Produk Halal: Pandangan Dari Perspektif Undang-Undang Malaysia Dan Hukum Islam. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(1), 157–173. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol12no1.541>
- Md. S., H. N. A. (2020). Kerangka Perundangan Sertu Dalam Industri Halal Di Malaysia. www.insla.usim.edu.my
- Mohamad, A. R., & Moormasitah, J. (2024). *Antara Syarak Dan Petua Amalan Penyembelihan Dalam Kalangan Masyarakat Kadok, Kelantan*. Proceeding The 9th International Conference on Nabawi Heritage (SWAN 2024) FPQS, 551–558. <https://swanfpqs.usim.edu.my/index.php/conference/article/view/237>
- Muhamed, N. A. (2020). Halal Industry Certification and Governance: JAKIM Requirements. Muhammad, H. H., Mundzir, Z., & Arif, F. (2023). Cabaran Semasa Usahawan Dalam Permohonan Pensijilan Halal Malaysia Di Negeri Perlis. *International Journal of Islamic Business*, 8(2), 58–70. <https://repo.uum.edu.my/id/eprint/30239>
- Muhammad, S. M. A. W., & Anis, H. (2021). Konsep Hisbah dalam Penguatkuasaan Pematuhan Halal di Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(3), 129–140. <https://doi.org/https://doi.org/10.37231/jimk.2021.22.3.556>
- Mustafa, A. Ab. H. (2018). Peranan JAKIM dan JAIN dalam kes yang melibatkan penyalahgunaan label halal pada produk makanan. *Malaysian Journal of Syariah And Law*, 7. <https://doi.org/https://doi.org/10.33102/mjssl.vol6no2.143>
- Naganthran, A., Masomian, M., Rahman, R. N., Ali, M., & Nooh, H. (2017). Improving the Efficiency of New Automatic Dishwashing Detergent Formulation by Addition of Thermostable Lipase, Protease and Amylase. *Molecules*, 22(9), 1577. <https://doi.org/10.3390/molecules22091577>
- Nor, M., Daud, M. R., & M. F. (2023). Pengetahuan Pengusaha Premis Makanan Terhadap Amalan Pensijilan Halal Malaysia. *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 6(1), 1–12. <https://jurnal.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles/article/view/141>
- Nurul Aini. (2016). Industri Halal: Perkembangan dan Cabaran di Malaysia.
- Othman, B., & Md. Nawi, N. H. (2022). Pensijilan Halal Malaysia, Cabaran Dan Potensinya Sebagai Hab Halal. *Jurnal Hadhari*, 14(1), 1–15.
- Othman, Tahir, Yusof, A., R. M., & S. M. (2021). Analyze factors influencing work commitment from Islamic perspective among civil servants. <https://ca-c.org/CAC/index.php/cac/article/view/961>
- Pauzi, N., & Sa'adan Man. (2019). Cabaran Dan Elemen Kearifan Tempatan Dalam Pensijilan Halal Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 16(1), 165–190. <https://doi.org/https://doi.org/10.22452/fiqh.sp2019no1.7>
- Qussiyunor A.Y., Nur Syuhada M. N, Nayli Qisteena S., & Wong S.Y. (2021, April 6). *Tahap Kesedaran Terhadap Status Halal Premis Makanan Di Malaysia*. International Conference on Syariah & Law (ICONSAL 2021).
- Rahman, S. A., Omar, F. Z., & Mohd Nor, S. bin. (2024). A Qualitative Study on the Implementation of Sertu in Pharmaceutical Industry: Processes, Issues and Challenges. *Current Trends in Biotechnology and Pharmacy*, 18(3s), 114–124. <https://doi.org/10.5530/ctbp.2024.3s.8>
- Raihan, M. I., Fatin, N. M. N., Saadan, M., & Noor, N. A. R. (2023). Pertimbangan Antara Mudarat Dan Manfaat Dalam Penggunaan Produk Kecantikan. *Journal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*, 28(2), 123–153. <https://doi.org/https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no2.468>
- Ramli, M. A., & Jamaludin, M. A. (2019). Budaya Makanan dan Pemakanan Halal dalam Kalangan Masyarakat Melayu menurut Perspektif Islam. In Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith.

- Razaly, M. M. (2023). Sorotan Literatur Terpilih Tentang Pelaksanaan Tadbir Urus Yang Baik Dalam Pengeluaran Ayam Halal Di Malaysia Dan Isu Berkaitan. *Journal of Shariah Law Research*, 8(2), 167–192.
- Rodzi, Z. bin M., Amin, F. A. M., Jamiatun, N., Qiyyum, A., Al-Sharqi, F. al, Zaharudin, Z. A., & Khair, M. H. M. (2023). Integrated Single-Valued Neutrosophic Normalized Weighted Bonferroni Mean (SVNNWBM)-DEMATEL for Analyzing the Key Barriers to Halal Certification Adoption in Malaysia. *International Journal of Neutrosophic Science*, 21(3), 106–114. <https://doi.org/10.54216/IJNS.210310>
- Rofiah, C. (2022). Analisis Data Kualitatif: Manual Atau Dengan Aplikasi? *Develop*, 6(1), 33–46. <https://doi.org/10.25139/dev.v6i2.4389>
- Sabuhari, R., Soleman, M. M., Adam, M. A., & Abdul Haji, S. (2023). Do Adaptability and Innovation Speed Matter in Increasing Sales of MSMEs during the COVID-19 Pandemic? *Journal of Economics, Business, & Accountancy Ventura*, 26(1), 115–128. <https://doi.org/10.14414/jebav.v26i1.2994>
- Saiman, Z., & Yusma, S. (2022). Issues and Challenges of Promotion Halal Certification for Muslim Entrepreneurs in Malaysia. 28(2). <http://alqanatir.com/>
- Salahudin, A., & Ramli, M. A. (2016). Pembangunan teknologi autentikasi halal dari perspektif Maqasid al-Shariah. Sa'adan Man, MSAM Nawawi, RA Wahab, & NA Zaki (Eds. Maqasid Syariah Aplikasi Dalam Aspek Sains Dan Teknologi, 1, 171–187.
- Salleh, Halim, & Abd Aziz. (2020). Implementation Of Islamic Cleansing (Sertu) In The Halal Industry. 18(1), 1–9
- Shafie, A., Mohd, A. N., & Haziyah, H. (2019). Makanan Halal Menurut Perspektif Islam dan Kepentingan Pelabelan. 2(3).
- Shah Alam, Syed, S., Ali, Md. Y., & Jani, M. F. M. (2018). An Empirical Study Of Factors Affecting Electronic Commerce Adoption Among Smes In Malaysia / Veiksnų, Turinčių Įtakos Elektorinei Prekybai, Studija: Malaizijos Pavyzdys. *Journal of Business Economics and Management*, 12(2), 375–399. <https://doi.org/10.3846/16111699.2011.576749>
- Shahrom, N. F. N., Zaidi, N. F. N., Shamsuri, A. H., & Mohd Nazar, M. Z. Z. (2024). Strategi Pemasaran Produk Halal: Kajian Kes Di Mokti's Ice Cream. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 10(1), 1–10. <https://doi.org/10.24191/jcis.v10i1.5>
- Shamsudin, S. N., Abu Bakar, E., Osman, S., & Mohd Dali, N. R. S. (2023). Konsep Halalan Tayyiban bagi Produk Nutrasetikal. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(1), 69–84. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no1.460>
- Shariff, D. N., Abdullah, D., Bakar, A. A., Shaharudin, M. R., & Ngelambong, A. (2024). Analysing Halal Integrity and Sustainability Nexus in an Emerging Halal Supply Chain Ecosystem (HSCE). *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, VIII(VII), 1489–1504. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2024.807122>
- Syamel, A. A., & Zur, R. I. N. A. (2024). Faktor-Faktor Ketidakpatuhan Pengguna Muslim Terhadap Pemilihan Makanan Halal. <https://alqanatir.com/aq/article/view/894>
- Tahajuddin, S., Mohd Kassim, A. W., Justine, J., & Ibrahim, I. S. (2021). Cabaran dalam Proses Kutipan Data Kaedah Kualitatif Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 35–48. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1034>
- Tukiran, N. A., & Badrul, H. R. (2024). Halal Laundry Detergents: Ingredients and Regulations in Malaysia. *Halalsphere*, 4(1), 72–79. <https://doi.org/10.31436/hs.v4i1.86>
- Van Der Spiegel, M., van der Fels-Klerx, H. J., Sterrenburg, P., van Ruth, S. M., Scholtens-Toma, I. M. J., & Kok, E. J. (2012). Halal assurance in food supply chains: Verification of halal certificates using audits and laboratory analysis. *Trends in Food Science & Technology*, 27(2), 109–119. <https://doi.org/10.1016/j.tifs.2012.04.005>
- Warta Kerajaan Persekutuan. (2011, December 30). Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.
- Yusuf Al-Qaradhawi, & Mohd, H. D. (2016). Halal dan Haram dalam Islam (Edisi Kemas Kini). PTS Publishing House.
- Zainuddin, M. (2023). Piagam Pelanggan Dalam Pengurusan Persijilan Halal Di Jakim Menurut Perspektif Islam. <https://doi.org/https://doi.org/10.33102/jiecons.v10i1.47>
- Zainuddin M., & K. U. P. T. M. (2022). *Piagam Pelanggan: Analisis Penglibatan Masyarakat Melalui Aduan Awam Di Jakim*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke-7 (PASAK 7: 2022), 22–23.
- Zakaria, Z. (2022). Keberkesanan Undang-undang Makanan dan Produk Halal di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 12(2), 95–106